

31 AUG 2003

Merdeka-perarakan

PERARAKAN MERIAHKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DI PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 31 Ogos (Bernama) -- Sambutan Hari Kebangsaan ke-46 peringkat nasional hari ini dimeriahkan dengan upacara tradisi iaitu perarakan oleh ribuan peserta, diadakan buat pertama kalinya di pusat pentadbiran negara di sini.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid menyertai kira-kira 300,000 rakyat di Dataran Putrajaya, di kawasan Boulevard sepanjang 4.2 km, iaitu pusat sambutan peringkat kebangsaan untuk memeriahkan perarakan pagi ini.

Turut serta adalah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ini merupakan perarakan terakhir yang akan disertainya sebagai Perdana Menteri kerana beliau dijadual berundur dari jawatannya pada bulan Oktober ini.

Upacara yang disiarkan secara langsung ke seluruh negara itu bermula dengan ketibaan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong dengan kereta kuda ke pentas utama.

Ia diikuti dengan upacara menaikkan bendera dengan iringan lagu "Negaraku", versi rentak baru lagu Kebangsaan, dengan diikuti oleh lagu-lagu patriotik "Jalur Gemilang" dan "Keragaman Malaysia".

Beberapa helikopter terbang rendah dengan membawa bendera pelbagai negeri di Malaysia untuk turut serta dalam perarakan itu.

Kumpulan Simfoni Rakyat Malaysia yang terdiri daripada 500 anggota orkestra, 1,000 penyanyi koir, 2,500 pemain gendang dan 2,000 penari turut mengambil bahagian dengan mempamerkan persembahan hebat untuk menghiburkan pengunjung majlis pagi ini.

Pentas utama yang terletak berhadapan dengan pentas orang-orang kenamaan bergema dengan lagu-lagu medley tradisional serta muzik kontemporari dan diiringi oleh tarian bertenaga para penari yang memakai baju berwarna-warni dan bergemerlapan.

Ia kemudiannya diikuti dengan majlis perarakan yang disertai oleh kira-kira 23,000 peserta, 63 kontinjen, 22 brass band, 18 kereta berhias, 20 pesawat dan 312 kenderaan.

Perarakan yang disertai oleh pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan berpakaian seragam itu berusaha untuk mempamerkan kemajuan yang dicapai negara sejak 22 tahun, dengan memberi penekanan kepada keutuhan pasukan tentera serta keharmonian kaum di Malaysia.

Perarakan bermula dari Pusat Persidangan Putrajaya, tempat bakal diadakan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam ke-10, dan berakhir di Dataran Wawasan yang terletak di hadapan Kompleks Kementerian Kewangan.

Terdahulu, Khairul Anwar Abdul Ghani dari Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tun Dr Ismail telah mengetuai bacaan ikrar Rukun Negara selepas orang ramai yang menyertai majlis sambutan pagi menggegarkan kawasan Boulevard dengan laungan "Merdeka".

Turut serta dalam majlis pagi ini adalah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri-menteri Kabinet dan para diplomat asing.

Malaysia beroleh kemerdekaan dari British pada tahun 1957, yang menyaksikan bendera "Union Jack" diturunkan buat kali terakhir di hadapan bangunan bersejarah Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur.

Buat kali keempat "Keragaman Malaysia" telah dipilih menjadi tema sambutan Hari Kebangsaan.

Turut mengambil bahagian dalam perarakan itu adalah beberapa orang rakyat Malaysia yang berjaya mencatat kecemerlangan dalam bidang masing-masing, sekaligus membanggakan negara, termasuk perenang maraton yang berjaya menakluk Selat Inggeris, Datuk Abdul Malik Mydin, pelayar solo negara, Datuk Azhar Mansor, pendaki gunung Everest, M. Magendran dan juara bina badan, Sazali Samad.

Pengunjung majlis pagi ini turut dipersembahkan dengan pertunjukkan udara yang hebat oleh pesawat-pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia yang terbang rendah sekitar Putrajaya.

Dr Mahathir kemudiannya meninggalkan boulevard menggunakan kenderaan pelbagai guna (MPV) nasional yang pertama, NAZA Ria yang baru dilancarkannya Rabu lepas.

Bagi acara sambutan pagi ini, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah membawa kira-kira 300 pemberita dari luar negara, termasuk wakil daripada 51 stesen televisyen dalam usaha mempromosi Malaysia di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, di MIRI, Sarawak sebanyak 88 kontinjen dengan 4,500 peserta mengambil bahagian dalam Perbarisan Hari Kemerdekaan Ke-46 yang diadakan dengan penuh warna-warni di Stadium Miri di sini.

Hadir sama ialah Yang Dipertua Negeri, Tun Abang Muhammad Salahuddin dan isterinya Toh Puan Norkiah, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, anggota Kabinet Negeri serta puluhan ribu rakyat jelata.

Abdul Taib dalam ucapannya berkata setelah 46 tahun merdeka, cabaran yang menanti di hadapan bagi rakyat dan kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020 adalah semakin hebat dan semakin sukar.

"Tetapi cabaran ini akan menjadi ringan dan akan berjaya dihadapi jika kita bekerjasama, rakyat menjadi pekerja yang berilmu, rakyat lebih bersatu padu dan tidak mengamalkan politik perkauman yang sempit," katanya.

Di MELAKA, perarakan Hari Kebangsaan diadakan di hadapan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan di Bandar Hilir, di sini.

Sebanyak 128 buah kontinjen yang melibatkan 10,700 peserta, terdiri daripada jabatan dan agensi kerajaan, syarikat swasta, institusi pengajian tinggi (IPT), badan bukan kerajaan (NGO) dan pelajar sekolah, mengambil bahagian dalam perarakan sejauh lapan kilometer ke Stadium Hang Tuah, di Jalan Hang Tuah.

Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Exco-exco kerajaan negeri serta kenamaan yang lain menyertai kira-kira 5,000 rakyat untuk menyaksikan perarakan itu.

Di ALOR STAR, tiada aktiviti sambutan hari kemerdekaan diadakan kerana negeri itu masih dalam tempoh perkabungan selama seminggu mulai Selasa lepas berikutan kemangkatan Sultanah Kedah, Tuanku Bahiyah Tuanku Abdul Rahman.

Baginda mangkat pada 12.23 tengah hari Selasa lepas di Istana Kuala Cegar, Anak Bukit setelah gering selama seminggu.

Di SEREMBAN, perarakan dan perbarisan sempena sambutan Hari Kebangsaan diadakan di hadapan Bangunan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) di Jalan Yam Tuan di sini bermula pukul 8 pagi.

Sebanyak 88 buah kontinjen dengan 5,000 peserta berarak sejauh dua kilometer melalui Jalan Yam Tuan, Jalan Dr. Krishnan, Jalan Datuk Bandar Tunggal sebelum sampai ke padang MPS.

Yang di-Pertua Besar Negeri Sembilan, Tuanku Ja'afar, Undang Yang Empat, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, anggota Exco kerajaan negeri, hadir menyaksikan perarakan yang disertai pegawai dan kakitangan jabatan serta agensi kerajaan, syarikat swasta, parti politik dan pasukan beruniform sekolah.

Di KOTA BAHARU, sebanyak 4,000 anggota daripada 105 kontinjen menyertai perbarisan dan perarakan sejauh tiga kilometer yang bermula di Stadium

Sultan Mohamad Ke IV di sini.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menerima tabik hormat daripada kontinjen-kontinjen berkenaan. Yang turut hadir adalah exco-exco kerajaan negeri dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Persembahan tempur tanpa senjata oleh anggota tentera dari Rajimen 506 Askar Wataniah memeriahkan lagi acara padang di stadium itu.

Di KANGAR, sebanyak 181 kontinjen membabitkan lebih 13,000 peserta menyertai perarakan Hari Kebangsaan peringkat negeri Perlis yang berlangsung di Dataran Merdeka di sini hari ini.

Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Syed Sirajuddin Putra Jamalullail merasmikan sambutan itu dengan melepaskan 46 ekor burung merpati sebagai simbolik kepada usia negara mencapai kemerdekaan.

Turut mengiringi baginda ialah Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah.

Perarakan itu turut menyaksikan bendera terpanjang peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang dicipta secara bergotong royong oleh para pelajar dan kakitangan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM).

Bendera sepanjang 273 meter dan 2.3 meter lebar itu dijahit sejak 25 Ogos lalu dan merupakan bendera terpanjang pernah dicipta oleh IPTA di negara ini.

Di KUALA TERENGGANU, sejumlah 148 pasukan yang membabitkan 7,040 peserta daripada jabatan dan agensi kerajaan, syarikat swasta, NGO, pelajar serta pancaragam sekolah menyertai perarakan Hari Kebangsaan dari Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah ke Pantai Batu Buruk di sini.

Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Exco kerajaan negeri serta orang kenamaan turut menyertai lebih 5,000 orang rakyat menyaksikan perarakan itu.

Di TANGKAK, Johor pula kira-kira 15,000 orang berkumpul di Dataran Ledang tempat berlangsungnya sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri, yang menyaksikan perbarisan oleh 4,000 orang daripada 97 kontinjen.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dalam ucapannya berkata rakyat pelbagai kaum di Malaysia bukan saja bertuah kerana dapat menikmati keamanan dan kemerdekaan negara, tetapi juga dapat berkongsi hidup dan masa depan bersama, yang menuntut mereka berkompromi serta berkorban dalam banyak perkara.

"Dalam masyarakat berbilang kaum ini, kepentingan sesuatu kaum sentiasa perlu diseimbangkan dengan kepentingan masyarakat keseluruhannya," katanya dan beliau turut mengingatkan semua rakyat supaya berusaha memelihara dan mempertahankan kemerdekaan negara.

Dalam sambutan di peringkat daerah Kota Tinggi di Padang Bandaran, kira-kira 5,000 orang berkumpul menyaksikan perarakan Hari Kebangsaan yang disertai 1,000 peserta. Persembahan silat, jimmastik dan pancaragam oleh Sekolah Menengah Sains Kota Tinggi, Bandar Penawar turut diadakan bagi memeriahkan acara sambutan.

Di KUANTAN, perarakan dan perbarisan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-46 di padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) 1 melalui Jalan Mahkota sehingga ke Kompleks Teruntum, disertai oleh 108 buah kontingen yang terdiri dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Turut hadir bersama kira-kira 30,000 orang ramai yang menyaksikan program sambutan itu ialah Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah, Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob dan para anggota exco kerajaan negeri.

Bersempena cuti umum ini, orang ramai turut mengambil kesempatan mengunjungi tempat-tempat menarik di sekitar Kuantan seperti pantai Teluk Cempedak dan pantai Cherating bersama anggota keluarga dan sahabat handai.

Di PULAU PINANG, sebanyak 86 kontinjen yang dianggotai oleh 7,204 peserta termasuk empat kontinjen berkenderaan menyertai perarakan dan

sambutan sempena Hari Kebangsaan di Padang Pemuda Merdeka di Butterworth.

Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Yahaya Abdul Hamid dan anggota Exco Kerajaan Negeri menyertai ribuan rakyat menyaksikan perarakan itu.

Di MANJUNG, Perak, lebih 30,000 orang memenuhi Jalan Sitiawan-Lumut untuk menyaksikan sambutan Hari Kebangsaan buat pertama kalinya diadakan di sini.

Sultan Perak Sultan Azlan Shah, Raja Muda Raja Nazrin Shah; Raja Di Hilir, Raja Jaafar Raja Muda Musa; Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, anggota Exco kerajaan negeri dan pegawai kanan kerajaan turut hadir bagi memeriahkan sambutan berkenaan.

Sejumlah 102 kontinjen yang terdiri dari jabatan kerajaan, sekolah, swasta, badan sukarela, badan berkanun dan badan beruniform dengan kira-kira lebih 7,000 orang peserta menyertai perarakan itu.

Petang ini, Sultan Azlan dan kenamaan yang lain akan menghadiri majlis Jamuan Teh di Dataran Lumut, Lumut sempena perayaan Hari Kemerdekaan yang akan turut dihadiri orang ramai.

-- BERNAMA

AZE KAY HS AZH